

**DEWAN RAKYAT
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS (2020)**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : TUAN WONG HON WAI [BUKIT BENDERA]

SOALAN

TUAN WONG HON WAI [BUKIT BENDERA] minta **MENTERI ALAM SEKITAR DAN AIR** menyatakan apakah status terkini Rancangan Tebatan Banjir Sungai Pinang di negeri Pulau Pinang dan jadual pelaksanaan projek berkenaan.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

1. Projek Rancangan Tebatan Banjir (RTB) Lembangan Sungai Pinang telah diluluskan dalam *Rolling Plan-2* (2017) Rancangan Malaysia Ke-11 dengan kos projek sejumlah RM150juta. Projek Lembangan Sungai Pinang akan diteruskan dalam RMKe-12.
2. Pada 1 Mac 2019, Kerajaan Persekutuan melalui Jabatan Pengairan dan Saliran telah melantik Jurutera Perunding bagi kerja-kerja rekabentuk terperinci bagi menentukan rekabentuk dan opsyen kerja fizikal yang terbaik bagi menangani masalah banjir di Lembangan Sungai Pinang.
3. Pelaksanaan kerja fizikal RTB Lembangan Sungai Pinang dijadual dilaksanakan pada pertengahan tahun 2021 dan dijangka siap pada pertengahan tahun 2025.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : TUAN WONG HON WAI [BUKIT BENDERA]

SOALAN NO. 541

TUAN WONG HON WAI [BUKIT BENDERA] minta MENTERI KESIHATAN menyatakan apakah statistik untuk kes wabak Denggi dan Chikungunya di seluruh Malaysia mengikut negeri bagi tahun 2019 dan 2020 dan apakah pelan tindakan untuk lawan nyamuk Aedes serta apakah jenis racun serangga yang digunakan serta sama ada bekalan mencukupi.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Pada tahun 2020 iaitu bermula Januari sehingga 2 Julai 2020, kumulatif kes demam denggi yang dilaporkan adalah sebanyak **55,586 kes** dan **92** kematian akibat komplikasi demam denggi, berbanding **64,192 kes** dan **93** kematian akibat komplikasi demam denggi bagi tempoh sama tahun 2019, iaitu **penurunan kes** sebanyak **13.4% (8,606 kes)** serta **pengurangan kematian sebanyak 1% (1 kematian)**.

2. Manakala bagi kes Chikungunya, sehingga 2 Julai 2020, jumlah kumulatif kes Chikungunya dilaporkan adalah **1,240 kes** berbanding **990 kes** bagi keseluruhan tahun 2019. Negeri yang melaporkan jumlah tertinggi kes Chikungunya adalah negeri Perak (729 kes) diikuti Pulau Pinang (450 kes) dan Kelantan (44 kes).

SOALAN NO. 541

3. KKM telah mempunyai Pelan Strategik Pencegahan dan Kawalan Denggi Kebangsaan mengenai denggi. Antara strategi memerangi Aedes merangkumi pemantauan rapi melalui surveilan dari peringkat daerah ke peringkat kementerian. Pemantauan ini dilakukan melalui sistem *real time web-based* iaitu sistem eDengue, Sistem Pengurusan Wabak Denggi (SPWD) dan sistem iDengue untuk komuniti. Disamping itu, KKM juga mengutamakan tindakan bersepadu lain seperti penggunaan *Clinical Practice Guidelines: Management of Dengue Infection In Adults* (2015) untuk panduan klinikal rawatan denggi, mobilisasi sosial dan komunikasi terhadap masyarakat, pengurangan beban kes denggi di Lembah Klang, penguatkuasaan undang-undang dan penyelidikan serta penggunaan inovasi baru dalam kawalan denggi.

4. KKM juga sangat teliti dalam pemilihan racun serangga yang digunakan dalam semburan kabus. Pemilihan KKM adalah berdasarkan kepada:

- a) produk racun serangga yang telah diluluskan oleh Lembaga Racun Makhluk Perosak (LRMP) dari segi kualiti dan keselamatan produk kepada orangramai; DAN
- b) produk racun serangga mestilah telah diuji oleh Institut Penyelidikan Perubatan (IMR) atau Universiti Sains Malaysia (USM) iaitu institusi yang telah diiktiraf oleh WHO untuk melakukan ujian keberkesanan dan kesesuaian produk racun serangga untuk kegunaan orang awam di Malaysia; ATAU
- c) produk racun serangga yang mematuhi WHO *Prequalified Testing (PQT) For Vector Control Products* ATAU produk yang telah diiktiraf oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) melalui WHO *Pesticide Evaluation Scheme* (WHOPES)

5. Racun serangga yang digunakan oleh KKM di dalam pencegahan dan kawalan penyakit denggi adalah racun serangga

SOALAN NO. 541

untuk kegunaan kesihatan awam mengikut saranan oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO). Pada masa kini, bagi memastikan bekalan racun serangga adalah mencukupi, KKM sentiasa memantau dan menganalisa keperluan secara mingguan di peringkat daerah, negeri dan kementerian. Daripada hasil analisa tersebut, KKM akan membuat unjuran keperluan dan membuat perolehan secara tender terbuka untuk keperluan setiap tempoh 2 tahun.

6. Penyakit Demam Denggi amat berkait rapat dengan faktor kebersihan persekitaran. Setiap individu perlu mengambil tanggungjawab bagi memastikan kawasan dalam dan luar rumah bebas dari potensi pembiakan nyamuk *Aedes* dengan meluangkan masa sekurang-kurangnya 10 minit seminggu untuk melakukan aktiviti pembersihan persekitaran dan menghapuskan tempat pembiakan *Aedes*. Perubahan tingkah laku seluruh masyarakat Malaysia adalah amat diperlukan dimana masyarakat perlu mengutamakan kebersihan persekitaran dan tidak membuang sampah merata-rata sehingga menjadi tempat pembiakan *Aedes*.

Sekian, terima kasih.